

PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL BERHAD

Perusahaan Otomobil
Nasional Berhad



Annual Report **2004** Laporan Tahunan

Performance Review

penilaian prestasi

Chairman's Statement	146
Perutusan Pengerusi	146
Group CEO's Review of Business Operations	156
Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan	156
Five Years Financial Highlights	180
Ringkasan Kewangan untuk Lima Tahun	180
Key Financial Indicators	186
Petunjuk Kewangan Utama	186
Financial Calendar	187
Takwim Kewangan	187
Share Price and Volume Traded	188
Harga Saham dan Saham Diniagakan	188
Awards and Recognition	189
Anugerah dan Pengiktirafan	189





Y.Bhg. Datuk Abu Hassan bin Kendut
Chairman / Pengerusi



INTRODUCTION

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the annual report of Perusahaan Otomobil Nasional Berhad for the year ended 31 March 2004, prepared in accordance with the applicable approved accounting standards in Malaysia and the provisions of the Companies Act 1965.

CORPORATE REORGANISATION

On 27 May 2003, the Board announced a proposed Corporate Reorganisation, which was subsequently approved by the shareholders and regulatory authorities. On 5 April 2004, all shareholders of Perusahaan Otomobil Nasional Berhad exchanged their ordinary shares of RM1.00 each in the Company for new ordinary shares of RM1.00 each in PROTON Holdings Berhad. With the exchange of shares, PROTON Holdings Berhad became the shareholder of Perusahaan Otomobil Nasional Berhad and the ultimate holding company of the PROTON Group.

On 16 April 2004, the shares of Perusahaan Otomobil Nasional Berhad were delisted and PROTON Holdings Berhad assumed the listing status on the Bursa Malaysia Securities Berhad. PROTON Holdings Berhad was incorporated on 28 July 2003 and remained dormant until the exchange of shares on 5 April 2004. The first annual general meeting of PROTON Holdings Berhad will be held on 29 September 2004 to approve the financial statements for the period ended 31 March 2004.

The Corporate Reorganisation has streamlined the business activities into five core business divisions and created a Group structure that would operate and compete more effectively in an increasingly competitive environment.

PENGENALAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya amat berbesar hati dapat membentangkan laporan tahunan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad bagi tahun berakhir 31 Mac 2004, yang disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diiktiraf di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965.

PENYUSUNAN SEMULA KORPORAT

Pada 27 Mei 2003, Lembaga Pengarah telah mengumumkan satu cadangan Penyusunan Semula Korporat, yang mana telah diluluskan oleh pemegang saham dan pihak berkuasa. Pada 5 April 2004, semua pemegang saham Perusahaan Otomobil Nasional Berhad telah menukarkan saham biasa mereka bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat dengan saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam PROTON Holdings Berhad. Dengan penukaran saham tersebut, PROTON Holdings Berhad menjadi pemegang saham Perusahaan Otomobil Nasional Berhad dan syarikat induk tertinggi Kumpulan PROTON.



Pada 16 April 2004, saham Perusahaan Otomobil Nasional Berhad telah tidak lagi tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad dan status penyenaian tersebut diambil alih oleh PROTON Holdings Berhad. PROTON Holdings Berhad yang ditubuhkan pada 28 Julai 2003 kekal tidak beroperasi sehingga penukaran saham pada 5 April 2004. Mesyuarat agung pertama PROTON Holdings Berhad akan diadakan pada 28 September 2004 untuk meluluskan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2004.

Penyusunan semula Korporat telah menyelaraskan aktiviti-aktiviti perniagaan kepada lima divisyen utama dan telah membentuk satu struktur Kumpulan yang mampu beroperasi dan bersaing dengan lebih berkesan di dalam suasana persaingan yang semakin hebat.



COMPETITIVE BUSINESS ENVIRONMENT

The operating environment for the year under review was both difficult and challenging. The domestic passenger car market experienced a decline of 11 per cent as buyers adopted a 'wait and see' attitude pending the announcement of reduced tariffs by the government in compliance with the Asean Free Trade Agreement. Total sales of passenger cars in 2003 declined from 359,934 units to 319,847 units. The climate of uncertainty also adversely affected Proton's market share as customers held back purchases in anticipation of lower prices. Aggressive marketing and the launch of new models by competitors were also factors that led to the decline in market share.

For exports, the adverse economic impact and uncertainty arising from the Iraq War affected sales to the Middle East, our largest overseas market. Sales in the United Kingdom and Australia also slowed as customers awaited the arrival of Proton's new models to replace the existing ageing product range.

SUASANA PERDAGANGAN YANG KOMPETITIF

Keadaan operasi untuk tahun yang diulas adalah amat mencabar dan sukar. Pasaran kereta tempatan mengalami penurunan sebanyak 11% akibat daripada pembeli yang mengambil sikap 'tunggu dan lihat' terhadap pengumuman kerajaan untuk mengurangkan kadar tarif, bersesuaian dengan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean. Jumlah jualan kereta tempatan merosot kepada 319,847 unit pada tahun 2003 berbanding 359,934 unit pada tahun sebelumnya. Sikap pelanggan yang menanggung pembelian kerana mengharapkan penurunan harga menyebabkan iklim yang tidak menentu dan memberi kesan kepada penguasaan pasaran Proton. Aktiviti pemasaran yang agresif oleh pesaing dan pelancaran model terbaru mereka juga merupakan faktor kepada penurunan pasaran penguasaan.

Bagi pasaran eksport, keadaan ekonomi yang tidak menentu berpunca dari perang Iraq telah memberi kesan terhadap jualan di Timur Tengah yang merupakan pasaran terbesar luar negara kita. Di United Kingdom dan Australia pula, jualannya amat lembab akibat dari sikap pelanggan menunggu pelancaran model-model terbaru Proton bagi menggantikan produk yang sedia ada.

FINANCIAL PERFORMANCE

Amidst a weak domestic market and slowdown in exports, Proton recorded a lower Group profit after tax of RM521 million, compared to RM1,118 million in the last financial year. This was achieved on the back of a thirty per cent decline in turnover from RM9.27 billion to RM6.47 billion. Earnings per share was lower at 92.9 sen compared to 201.9 sen previously.

At the Company level, revenue declined by 31% to RM5.26 billion compared to RM7.67 billion in the previous year. Consequently, profit after tax dropped to RM321.8 million from RM772.3 million. Proton Edar Sdn Bhd, a wholly owned subsidiary and the domestic distributor of Proton cars, recorded a profit before tax of RM127 million on a turnover of RM5.9 billion. Lotus Group International Limited recorded a net profit of £0.2m, a major turnaround from the losses made over the last three years.

DIVIDENDS

The Directors have recommended the payment of a final tax-exempt dividend of 10 sen a share. The total dividends paid/payable for the financial year ended 31 March 2004 would amount to 15 sen per share or a total of RM82,382,300 (2003: 20 sen per share or a total tax-exempt dividend payout of RM109,841,000). The final dividends will be paid to Proton Holdings Berhad.

PRESTASI KEWANGAN

Di tengah-tengah keadaan pasaran tempatan yang lemah dan eksport yang merosot, Proton telah mencatatkan keuntungan selepas cukai Kumpulan yang rendah sebanyak RM521 juta, berbanding RM1,118 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Ini dicapai berikutan dengan penurunan sebanyak 30% jualan iaitu dari RM9.27 bilion kepada RM6.47 bilion. Pendapatan sesaham adalah lebih rendah iaitu 92.9 sen berbanding 201.9 sen pada tahun sebelumnya.

Pada peringkat Syarikat pendapatan menurun sebanyak 31% kepada RM5.26 bilion berbanding RM7.67 bilion pada tahun sebelumnya. Akibatnya keuntungan selepas cukai menurun kepada RM321.8 juta dari RM772.3 juta. Proton Edar Sdn. Bhd., syarikat subsidiari milik penuh Proton yang merupakan wakil pengedar tempatan kereta Proton, telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM127 juta dari jumlah jualan sebanyak RM5.9 bilion. Lotus Group International Limited pula mencatatkan keuntungan bersih berjumlah £0.2 juta, yang merupakan satu pencapaian berbanding kerugian untuk tiga tahun yang lepas.

DIVIDEN

Lembaga Pengarah telah mencadangkan bayaran dividen akhir yang dikecualikan cukai sebanyak 10 sen sesaham. Jumlah dividen dibayar/akan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 akan berjumlah 15 sen sesaham atau sejumlah RM82,382,300 (2003: 20 sen sesaham atau sejumlah dividen dibayar yang dikecualikan sebanyak RM109,841,000). Dividen akhir akan dibayar kepada Proton Holdings Berhad.



OPERATIONS REVIEW

PROTON

During the financial year, Proton launched a number of new model variants in the domestic market in anticipation of weaker demand and a general slowdown in passenger car sales with the impending implementation of AFTA. The Iswara ST, Wira SE and Perdana CC received encouraging response and helped revitalise the products as they approach the end of their lifecycle. As a result, Proton's market share decline was contained at 45%.

In February 2004, the much-awaited Gen.2 was launched in the domestic market to overwhelming response. The Gen.2 is a sporty four-door hatchback with innovative styling and leading-class ride and handling. Developed from Proton's own platform, the Gen.2 will spearhead the launch of a series of new products over the next two years. More than 13,000 bookings have been received with a waiting period of three months or more. Following the success of the car in the domestic market, the launch of the Gen.2 in Singapore, Brunei, UK and Australia has been scheduled for August 2004.

Proton's own engine family, the Campro, commenced commercial production in January 2004 and powers the Gen.2. This marked a major milestone for Proton, as it became a truly independent automotive manufacturer with its own cars and engines.



ULASAN OPERASI

PROTON

Pada tahun kewangan ini, Proton telah melancarkan beberapa model baru dalam pasaran tempatan berdasarkan jangkaan terhadap permintaan yang semakin lemah dan juga penurunan jualan kereta penumpang dengan pelaksanaan AFTA. Iswara ST, Wira SE dan Perdana CC telah mendapat reaksi yang menggalakkan dan membantu memulih semula produk tersebut yang hampir sampai ke penghujung pusingan hayatnya. Akibatnya, penurunan penguasaan pasaran Proton dapat bertahan pada 45%.

Dalam bulan Februari 2004, produk yang ditunggu-tunggu, Gen.2 telah dilancarkan dalam pasaran tempatan dan mendapat sambutan yang memberangsangkan dari pelanggan. Gen.2 merupakan sebuah kereta "hatchback" empat pintu yang eksklusif dengan gaya inovatif dan kelas pemanduan dan pengendalian yang tinggi. Dibangunkan dari platform Proton sendiri, Gen.2 bakal menerajui siri pelancaran produk baru dalam tempoh dua tahun yang akan datang. Lebih dari 13,000 tempahan diterima dengan tempoh menunggu 3 bulan atau lebih. Berikutan dari kejayaannya di dalam pasaran tempatan, Gen.2 dijadualkan akan dilancarkan di Singapura, Brunei, UK dan Australia pada Ogos 2004.

Campro iaitu famili enjin keluaran Proton sendiri, telah memulakan pengeluaran komersialnya pada Januari 2004 dan dipasang pada Gen.2. Ini menandakan satu perubahan besar bagi Proton yang berkemampuan dalam menjadi pengilang otomotif yang mengeluarkan kereta dan enjinnya sendiri.



The new Tanjung Malim factory, with a capacity of 150,000 units when fully commissioned, commenced operations from January 2004. The factory employs a higher level of automation and adopts flexible manufacturing processes capable of producing cars of the highest quality. All future new models will be manufactured at this new state-of-the-art factory.

In recognition of the Company's continuous drive for quality improvement and the implementation of world-class quality systems, Proton was awarded the 2004 Prime Minister's Quality Management Excellence Award. In the 2004 UK J.D. Power Customer Satisfaction Survey, Proton tied for 10th position in the Overall Top Brand Category out of 33 global brands and was placed second in Dealer Service Satisfaction, just behind Lexus.

In February 2004, Proton Commerce Sdn. Bhd., an auto finance joint venture established with the Commerce Asset Group, one of the country's leading financial institutions, commenced operations. The joint venture will provide one-stop financing to Proton customers and is expected to contribute significantly to Group revenue in the near future.

LOTUS

During the year Lotus Engineering steadily built up its customer base following the successful delivery of a number of engineering projects. A new Engineering office opened in China at the beginning of 2004 to forge closer links to existing and potential customers. This brings the number of Lotus Engineering's offices around the world to five (UK, Germany, Malaysia, China and USA).

Kilang baru Tanjung Malim dengan kapasitinya 150,000 unit mula beroperasi pada Januari 2004. Kilang tersebut menggunakan tahap automasi yang tinggi dan mengadaptasi proses pengilangan yang fleksibel serta mampu mengeluarkan kereta yang berkualiti tinggi. Semua pengeluaran model baru pada masa akan datang akan dikeluarkan di kilang baru yang serta canggih ini.

Dalam mengiktiraf usaha berterusan Syarikat untuk meningkatkan kualiti dan pelaksanaan sistem kualiti bertaraf dunia, Proton telah dianugerahkan dengan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti Perdana Menteri bagi tahun 2004. Pada tahun 2004, indeks J.D. Powers Customer Satisfaction Survey di UK telah meletakkan Proton terikat di tangga ke-10 kategori keseluruhan, daripada 33 jenama global yang lain. Proton juga menduduki tempat kedua dalam indeks Dealer Service Satisfaction, hanya di belakang Lexus.

Pada Februari 2004, Proton Commerce Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembiayaan kenderaan telah ditubuhkan secara usahasama dengan Commerce Asset Group, salah sebuah institusi kewangan yang terkemuka di negara ini, telah menjalankan operasinya. Usahasama ini menyediakan kaedah pembiayaan setempat kepada pelanggan Proton dan dijangkakan akan memberi sumbangan ketara kepada pulangan Kumpulan di masa yang terdekat.

LOTUS

Pada tahun semasa, Lotus Engineering telah membina rangkaian pelanggannya sendiri berikutan kejayaannya dalam menguruskan beberapa projek kejuruteraan. Sebuah pejabat kejuruteraan yang baru telah dibuka di China pada pemulaan 2004 bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan pelanggan yang sedia ada dan juga pelanggan yang berpotensi. Ini membawa kepada peningkatan bilangan pejabat Lotus Engineering di lima negara (UK, Jerman, Malaysia, China dan Amerika Syarikat).



In the UK, Lotus Cars concentrated on producing new model variants. The Elise, with a new hi-tech 189hp engine made its debut in the US at the Los Angeles Auto Show. The first review by the media of the new US Lotus Elise is extremely positive and the first cars will be delivered in June 2004. A non-USA version of this 189hp Elise (designated Elise 111R) was launched into the European, Asia Pacific and Australian markets in January 2004. In March 2004, the new Lotus Exige was unveiled at the Geneva Motorshow. The Lotus Elise 111R won the title "Best Sportscar 2004" awarded by BBC Top Gear Magazine.

CORPORATE GOVERNANCE

Our statement on Corporate governance is found on pages 44 to 67. There were no sanctions and/or penalties imposed on the Company and its subsidiaries, Directors or management, by the relevant regulatory bodies.

RELATED PARTY TRANSACTIONS

Significant related party transactions of the Group during the period are disclosed in Note 35 to the financial statements.

Di UK, Lotus Cars telah menumpukan pengeluarannya kepada pelbagai model baru. Elise, yang mempunyai enjin hi-tech 189hp telah diperkenalkan buat pertama kalinya di Amerika Syarikat di Los Angeles Auto Show. Ulasan pertama yang dibuat oleh media terhadap Lotus Elise Amerika Syarikat yang baru menunjukkan tindakbalas yang positif dan penghantaran kereta pertama dijadualkan pada Jun 2004. Versi bukan Amerika Syarikat untuk 189hp Elise (reka bentuk Elise 111R) telah dilancarkan di pasaran Eropah, Asia Pasifik dan Australia pada bulan Januari 2004. Pada Mac 2004, Lotus Exige yang baru telah dipamerkan di Geneva Motorshow. Lotus Elise 111R telah memenangi anugerah "Best Sportscar 2004" yang dianugerahkan oleh BBC Top Gear Magazine.

URUS TADBIR KORPORAT

Penyata untuk urus tadbir korporat boleh didapati pada muka surat 44 sehingga 67. Tiada tindakan undang-undang dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat dan syarikat subsidiari, Para Pengarah atau pengurusan oleh pihak yang berkuasa.

TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Transaksi ketara pihak berkenaan untuk Kumpulan pada tahun semasa dinyatakan dalam Nota 35 dalam penyata kewangan.



RESEARCH AND DEVELOPMENT

The Group continues to research new technologies with the ultimate aim to put these innovations into production through partnerships with Tier One Suppliers or OEM customers. Two such advancements likely to see production are engine technology AVT (Active Valve Train) and chassis technology VVA (Versatile Vehicle Architecture). The Group has also invested significantly on the development of new innovative products to meet the challenges of the market place. During the financial year, the Group invested RM542.9 million (2003: RM413 million) in research and development.

PROSPECT

Proton car sales in the domestic market for the first quarter of financial year 2004/05 recorded a year on year increase of 10%, reflecting renewed interest and improved buying sentiment. Orders for the Gen.2 have continued to be strong and production will be increased to 5,000 units from October 2004 with the introduction of a second shift at the Tanjung Malim factory. The Waja 1.6 Enhancement, which was launched in July 2004, has also spurred demand and increased orders. To provide customers with greater choice, Proton will introduce a new two-door hatchback and a small four-door sedan at the end of 2004 and in early 2005 respectively.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Kumpulan terus meningkatkan penyelidikan dalam teknologi baru dengan objektif utama untuk mengaplikasi penemuan baru dalam pengeluaran melalui gabungan dengan pembekal-pembekal "Tier One" atau pelanggan OEM. Dua kemajuan yang dilihat boleh diketengahkan dalam pengeluaran adalah teknologi enjin AVT ("Active Valve Train") dan teknologi chassis VVA ("Versatile Vehicle Architecture"). Kumpulan juga telah melabur secara ketara dalam pembangunan pembaharuan produk baru untuk menghadapi cabaran di dalam pasaran. Pada tahun semasa, Kumpulan telah melaburkan sejumlah RM542.9 juta (2003: RM413 juta) dalam penyelidikan dan pembangunan.

PROSPEK

Jualan kereta Proton dalam pasaran tempatan untuk suku pertama tahun kewangan 2004/05 mencatat peningkatan kepada 10% dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lepas, kesan daripada minat dan peningkatan sentimen pembelian. Permintaan untuk GEN.2 semakin meningkat dan pengeluaran akan ditingkatkan kepada 5,000 unit bermula pada bulan Oktober 2004 dengan permulaan dua shif di kilang Tanjung Malim. Model Waja 1.6 "Enhancement" yang dilancarkan pada bulan Julai 2004 juga telah meningkatkan permintaan dan tempahan. Untuk menyediakan pilihan yang lebih meluas kepada pelanggan, Proton akan memperkenalkan kereta dua pintu "hatchback" dan kereta bersaiz kecil empat pintu sedan pada penghujung tahun 2004 dan juga pada awal tahun 2005.

In the export market, the easing of political tension in the Middle East has helped to improve sales to the region although the volume is not expected to be significant in the short term. Sales to the other regions are expected to improve with the introduction of new models.

Barring any unforeseen circumstances, the Directors are of the view that the improved domestic sales performance and introduction of new models will have a positive impact on the Group performance in the current financial year.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I would like to thank our shareholders, customers, business associates and regulatory authorities for their continuing support and confidence in Proton. I wish to extend our appreciation to the management team and all employees of the Group for their contribution during the financial year. The success of the organisation depends ultimately on their dedication and commitment towards the shared mission and objectives.

While we acknowledge that the road ahead will be rough with the impending liberalisation of the automotive sector, we are confident that we will succeed in our endeavour. We believe that your Company will thrive with competition and grow stronger because of it.

Datuk Abu Hassan bin Kendut
Chairman

Dari segi pasaran eksport pemulihan ketegangan politik di Timur Tengah telah membantu dalam meningkatkan jualan ke rantau itu walaupun bilangan yang dijangkakan tidak berapa ketara dalam jangka masa pendek. Jualan ke rantau-rantau lain dijangka meningkat dengan pengenalan model baru.

Berdasarkan keadaan yang tidak dapat diramal, Para Pengarah berpandangan bahawa dengan meningkatkan jualan pasaran tempatan dan pengenalan model-model baru dapat memberi impak yang positif kepada prestasi Kumpulan pada tahun kewangan semasa.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, pelanggan-pelanggan, rakan-rakan perniagaan dan pihak berkuasa di atas sokongan yang berterusan dan berkayakinan terhadap Proton. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan dan semua pekerja-pekerja Kumpulan di atas sumbangan mereka pada tahun kewangan ini. Kejayaan organisasi ini bergantung sepenuhnya di atas dedikasi dan komitmen mereka dalam merealisasikan objektif dan misi bersama.

Walaupun kami menyedari bahawa perjalanan ke hadapan penuh cabaran dengan liberalisasi sektor otomotif, kami berkeyakinan bahawa kami akan berjaya di dalam usaha-usaha kami. Kami percaya Syarikat anda akan terus ke hadapan menghadapi saingan dan akan menjadi lebih kukuh.

Datuk Abu Hassan bin Kendut
Pengerusi

BUSINESS OBJECTIVES

In conducting our business, PROTON is guided by the interests of the shareholders, customers, business associates, employees and the community. The Group needs capital from its shareholders to conduct its business and expand to enhance returns. But capital can only be used profitably in the long term if customers are satisfied with the Group's performance. This in turn calls for excellent products and services, which are not possible without capable business associates and motivated employees.

Customers, shareholders, business associates and employees are at the same time citizens in an international community. The PROTON Group supports and encourages environmental, cultural, sports and educational initiatives. In this way, added value is not only created for the Group but for the community and all interest groups as well.

In order to bring more balance into how we measure achievements and progress, Proton has started to implement the balanced scorecard system for the Group. The design of the scorecard defines our financial objectives along the lines of the strategic goals.

OBJEKTIF PERNIAGAAN

PROTON berpandukan kepada kepentingan pelbagai pihak semasa menjalankan urusan perniagaannya seperti pemegang saham, pelanggan, rakan niaga, pekerja dan juga masyarakat. Kumpulan memerlukan modal daripada pemegang-pemegang saham untuk mengurusniaga dan seterusnya berkembang bagi meningkatkan pulangan. Walau bagaimanapun dalam jangka masa panjang, modal hanya boleh digunakan secara untung jika pelanggan berpuashati dengan prestasi Kumpulan. Ini memerlukan produk dan perkhidmatan yang cemerlang dan ianya tidak boleh dicapai tanpa rakan niaga yang berkeupayaan tinggi dan pekerja yang bersemangat tinggi.

Dalam masa yang sama pelanggan, pemegang saham, rakan niaga dan juga pekerja adalah sebahagian daripada masyarakat antarabangsa. Kumpulan Proton menyokong dan menggalakan inisiatif-inisiatif bersifat persekitaran, kebudayaan, kesukanan dan pembelajaran. Dengan cara ini, nilai tambahan bukan sahaja dicipta untuk Kumpulan tetapi juga untuk masyarakat dan semua golongan yang berkepentingan.

Proton telah mula melaksanakan sistemimbangan kad skor untuk Kumpulan bagi menentukan bagaimana kami mengukur pencapaian dan kemajuan. Corak kad skor menyatakan objektif kewangan selaras dengan matlamat strategi.



GROUP CEO'S REVIEW OF BUSINESS OPERATIONS
TINJAUAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN



Y.M. Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff
Group Chief Executive Officer /
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

We continue to seek new opportunities to add value to the business, achieve operational excellence, enhance our corporate culture and align our corporate goals with the interests of our shareholders and other stakeholders. Our core values drive our success as a transparent, accountable and ethical organisation.

COMPETITIVE OPERATING ENVIRONMENT

The global automotive landscape has become increasingly challenging as growth stagnates and overcapacity reign in many car plants around the world. Stocks of unsold vehicles of up to 3.5 million within the US alone have forced manufacturers to rationalise platforms and production. New environmental regulations and the demands of workers unions have resulted in cost increases whilst the twin pressures of competition and rising consumerism have forced car companies to reduce prices. As a result, margins are eroded leading to lower profits for some and losses for others. The search for new areas of growth is further intensified and the ASEAN region, the traditional bastion of Japanese car companies, has become the focus of the Americans, Europeans and even Koreans.

Kami terus mencari peluang-peluang baru untuk mempertingkatkan nilai perniagaan, mencapai operasi yang terbaik, mengembangkan budaya korporat dan menyelaraskan matlamat korporat kita dengan kepentingan para pemegang saham dan lain-lain pemegang berkepentingan. Nilai teras kami menggerakkan kejayaan kami sebagai sebuah organisasi yang telus, bertanggungjawab dan beretika.

SUASANA PERSAINGAN OPERASI

Industri otomotif global telah bertambah mencabar dengan tidak meningkatnya pertumbuhan dan lebih pengeluaran di dalam kebanyakan kilang-kilang kereta serata dunia. Stok kereta yang tidak terjual meningkat kepada 3.5 juta di Amerika Syarikat sahaja memberi tekanan kepada pengeluar-pengeluar untuk menyusun semula platform-platform serta pengeluaran. Peraturan-peraturan baru persekitaran dan permintaan-permintaan daripada kesatuan-kesatuan pekerja telah menyebabkan peningkatan dalam kos, manakala tekanan-tekanan daripada persaingan dan peningkatan dalam kepentingan pengguna membuatkan syarikat-syarikat kereta terpaksa menurunkan harga. Akibatnya, margin semakin berkurang dan membawa kepada keuntungan yang rendah kepada beberapa pengeluar dan kerugian kepada yang lain. Pencarian kawasan-kawasan pertumbuhan yang baru makin meningkat dan kawasan ASEAN, secara tradisinya kawasan yang selamat bagi syarikat-syarikat kereta Jepun, telah menjadi fokus kepada syarikat-syarikat Amerika, Eropah dan juga Korea.





During the financial year, uncertainty over the implementation of the ASEAN Free Trade Agreement allowed foreign car companies to make inroads in the domestic market. Sales of passenger cars experienced a decline as many prospective buyers adopted a 'wait and see attitude' in anticipation of the Government's announcement on car tariffs. Many buyers were hoping for a drastic fall in car prices and delayed their purchase decisions. In a weak market, aggressive marketing and the launch of new models by foreign car manufacturers were factors that led to the erosion of the national car's market share.

For exports, the adverse economic impact and uncertainty arising from the Iraq War affected sales to the Middle East, our largest overseas market. Sales in the United Kingdom and Australia also slowed as customers awaited the arrival of Proton's new models to replace the existing ageing product range.

Dalam tahun kewangan, ketidakpastian ke atas pelaksanaan Kawasan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean memberi peluang kepada syarikat-syarikat kereta asing memasuki pasaran tempatan. Penjualan kereta-kereta penumpang mengalami kemerosotan oleh kerana kebanyakan bakal-bakal pembeli yang mengambil sikap "tunggu dan lihat" sebagai langkah berhati-hati terhadap pengumuman kerajaan mengenai tarif kereta. Kebanyakan pembeli mengharapkan penurunan harga kereta yang mendadak dan menangguhkan keputusan untuk membeli kereta. Dalam pasaran yang lemah, pemasaran yang agresif dan pelancaran model-model baru oleh pengeluar-pengeluar kereta asing adalah faktor utama yang menyebabkan kemerosotan dalam penguasaan pasaran kereta tempatan.

Untuk pasaran eksport, kesan daripada keadaan ekonomi yang sukar dan ketidakpastian yang timbul daripada peperangan Iraq memberi kesan ke atas penjualan di Timur Tengah, pasaran terbesar kita di seberang laut. Penjualan di United Kingdom dan Australia juga lembab kerana pelanggan-pelanggan menunggu ketibaan model-model Proton yang baru untuk menggantikan produk-produk lama yang sedia ada.

PRODUCTS & SERVICES

produk & perkhidmatan



Strong customer orientation and innovative, competitively priced products are the foundation of our business and essential to our success. We believe that vehicles offering superior ride and handling, quality, safety and value, made by a trusted company, have universal appeal. Our markets are always changing, and so are the products we offer. We anticipate trends, respond to changes through our product offerings and lead by developing new innovative features. Among the initiatives by PROTON is the introduction of new Malaysian developed and manufactured cars, which are 'engineered to exhilarate' and embedded with the world-renowned Lotus 'ride and handling'. The Proton product range includes many innovations to address environmental and safety concerns.



Produk yang berorientasikan pelanggan, berinovasi dan dengan harga yang berdaya saing adalah asas kepada perniagaan kami dan adalah penting untuk kejayaan kami. Kami percaya bahawa kenderaan yang memiliki pemanduan dan pengawalan yang lebih baik, berkualiti, selamat dan bernilai dan dibuat oleh syarikat yang diyakini memiliki ciri-ciri yang diinginkan semua. Pasaran kami sering berubah dan begitu juga produk yang kami tawarkan. Kami mengenalpasti perubahan citarasa, kami bertindakbalas dengan membawa perubahan melalui produk yang kami tawarkan dan kami mengetuainya melalui pembentukan produk berinovasi. Di antara inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Proton ialah pengenalan kereta-kereta baru yang dibangunkan dan dikilangkan di Malaysia yang memiliki 'kecemerlangan kejuruteraan' yang dilengkapi dengan 'pemanduan dan pacuan' Lotus yang terkenal di seluruh dunia itu. Produk-produk Proton merangkumi pelbagai pembaharuan dengan berkonsepkan mesra alam dan berteraskan keselamatan.



During the year, Proton introduced the Perdana CC, a variant of the popular two litre large sedan. With a restyled front grille, new lamps and interior, the Perdana CC is fitted with a 2.0 litre 6 cylinders DOHC engine with adaptive automatic transmission that incorporates fuzzy logic which enhances fuel efficiency and results in reduced exhaust emission levels.

In February 2004, a new addition to the product range, the stylish Gen.2 was launched. Designed and developed by Malaysians, the four-door hatchback is fitted with Proton's very own engine, the 1.6 litre 4 cylinder DOHC 16 valve Campro. Outstanding features of the Gen.2 include agile handling, precise progressive steering response and extreme stability in cornering and changing lanes. The body strength on this car exceeds international safety regulations and market requirements of the European Community (EC), Australian Design Rules and Gulf standards. Safety features include increased body rigidity, driver and passenger airbags, brake assist, electronic brake force distribution and the vehicle tracking security system, Captor.

During the year Lotus Engineering steadily built up its customer base following the successful delivery of a number of engineering projects. A new Engineering office opened in China at the beginning of 2004 to forge closer links to existing and potential customers. This brings the number of Lotus Engineering's offices around the world to five (UK, Germany, Malaysia, China and USA).

In February 2004, Proton Commerce Sdn. Bhd., an auto finance joint venture established with the Commerce Asset Group, one of the country's leading financial institutions, commenced operations. The joint venture will provide one-stop financing to PROTON customers and is expected to contribute significantly to Group revenue in the near future.

Pada tahun semasa, Proton memperkenalkan Perdana CC, 2 liter sedan yang bersaiz besar. Dengan gaya gril depan yang baru, lampu dan rekaan terkini, Perdana CC dilengkapkan dengan 2.0 liter 6 silinder dengan enjin DOHC dan dengan injap masa pelbagai dan penyesuaian transmisi automatik dengan "fuzzy logik" yang menambah kecekapan penggunaan minyak dan pengurangan tahap keluaran asap ekzos.

Pada Februari 2004, Gen.2 telah dilancarkan dengan penambahan baru dari sudut gaya. Dengan rekaan dan pembentukan yang dibuat oleh Malaysia sendiri, dilengkapi dengan empat pintu "hatchback" dan 1.6 liter 4 silinder dengan enjin DOHC valve Campro. Gen.2 mempunyai pacuan yang pantas dan mudah, cepat bertindakbalas pada pertukaran arah dan stabil dalam mengenalpasti pertukaran laluan. Kekuatan badan kereta ini memenuhi peraturan keselamatan antarabangsa dan syarat-syarat pasaran Komuniti Eropah (EEC), Peraturan Rekaan Australia dan Piawai Gulf. Ciri-ciri keselamatan termasuk badan kereta yang kukuh, beg udara pemandu dan penumpang, bantuan brek, agihan kuasa brek elektronik dan sistem keselamatan pengesanan kenderaan, 'Captor'.

Pada tahun semasa, Lotus Engineering telah membina rangkaian pelanggannya sendiri berikutan kejayaannya dalam menguruskan beberapa projek kejuruteraan. Sebuah pejabat kejuruteraan yang baru telah dibuka di China pada permulaan 2004 dengan bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan pelanggan yang sedia ada dan juga pelanggan yang berpotensi. Ini membawa peningkatan kepada bilangan pejabat Lotus Engineering di lima negara (UK, Jerman, Malaysia, China dan AS).

Pada Februari 2004, Proton Commerce Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang membiayai kenderaan secara kawalan bersama Kumpulan Commerce Asset, sebuah institusi kewangan yang terkemuka, telah memulakan operasinya. Kawalan bersama ini menyediakan satu kaedah pembiayaan setempat kepada pelanggan PROTON dan dijangkakan akan memberikan keuntungan Kumpulan yang memuaskan di masa hadapan.

RESEARCH & DEVELOPMENT

penyelidikan & pembangunan

PROTON continued to intensify research in advanced technology in the areas of powertrain and lightweight materials. Research projects currently being undertaken include natural gas vehicle, engine cam profiling, electric hybrid vehicle, engine order cancellation, and engine active valve train. A number of projects are also being conducted through collaborations with Malaysian and UK universities with some funding provided by the Malaysian government. These collaborations include the use of alternative materials for passenger vehicles and the development of a new low cost flexible engine.

PROTON terus meningkatkan penyelidikan dalam teknologi enjin dan bahan ringan. Pada masa ini projek penyelidikan yang sedang dijalankan termasuk kenderaan bergas semulajadi, enjin 'cam profiling', kenderaan kombinasi berletrik, 'enjin pembatalan pesanan' dan 'enjin injap aktif'. Beberapa projek juga sedang dikendalikan melalui kerjasama dengan universiti di Malaysia dan di UK dengan peruntukan kewangan yang dibiayai oleh kerajaan Malaysia. Kerjasama ini termasuklah penggunaan berbagai bahan untuk kenderaan penumpang dan pembangunan dalam enjin kos rendah yang fleksibel.



For 2004, total development expenditure increased significantly with work focused on the development of new models on a number of platforms including the leading edge Versatile Vehicle Architecture (VVA). The VVA reduces the time it takes to bring a new product to market and helps meet changing demand more quickly. Globally, we are moving towards shared technologies so that vehicles can be differentiated while using common components. The reduction in development time will create greater efficiency and the standardisation will also lead to greater economies of scale in purchasing components.

Development has also begun on an aluminium-bodied vehicle built on the VVA platform. Increased fuel efficiency and power through weight reduction and material recyclability are key factors that have conspired together to promote the use of aluminium in vehicle body structures for high volume production.

Pada tahun 2004, jumlah perbelanjaan pembangunan telah meningkat dengan membangunkan pelbagai platform termasuklah platform yang boleh diubahsuai 'Versatile Vehicle Architecture' (VVA). Platform (VVA) ini mengurangkan masa yang diambil untuk membawa produk baru ke pasaran dan membantu membuat pembaharuan hasil daripada perubahan permintaan dengan lebih cepat. Di seluruh dunia, semua bergerak ke arah perkongsian teknologi supaya kenderaan masih boleh dibezakan walaupun menggunakan komponen yang sama. Masa pembangunan yang lebih cepat akan mencetuskan kecekapan yang lebih tinggi dan penggunaan komponen yang sama mengurangkan kos melalui skala pembelian yang besar.

Pembangunan telah bermula terhadap pembinaan badan kenderaan beraluminium pada platform VVA. Peningkatan kecekapan minyak dan kuasa melalui pengurangan berat dan bahan kitaran semula adalah merupakan kunci persepakatan bersama untuk memperkenalkan penggunaan aluminium di dalam struktur badan kenderaan untuk pengeluaran yang tinggi.

MANUFACTURING

perkilangan



The production facilities in Malaysia recorded average utilisation rates of 54% due to the weaker domestic market. Total production from the Malaysian plants was 148,981 units whilst the UK Lotus plant in Norwich recorded production of 2,763 units.

The state-of-the-art Tanjung Malim Plant commenced operations in January 2004 and is expected to result in significant savings because of lean production processes and the ability to shift production to different models relatively quickly. The Flexible manufacturing system installed in the plant will enable the Company to respond more quickly to changing customer demand with faster changeover of models.

Kilang di Malaysia merekodkan kadar penggunaan setinggi 54% berdasarkan permintaan terhadap produk kita. Jumlah hasil pengeluaran bagi kilang di Malaysia pada tahun 2004 adalah 148,981 unit sementara kilang di Lotus UK di Norwich merekodkan hasil pengeluaran sebanyak 2,763 unit.

Kilang Tanjung Malim yang serba canggih telah mula beroperasi dalam bulan Januari 2004 dan dijangkakan akan memberikan penjimatan yang ketara hasil daripada proses pengeluaran yang efisien dan keupayaan untuk menukar pengeluaran model-model yang berlainan secara relatif dan cepat.





The Plant is capable of producing four models off three platforms. To achieve production flexibility, the Body factory, for example, operates with several short flexible lines capable of accommodating 3 different platforms comprising 9 separate models rather than the single continuous line in the existing Shah Alam plant. On its quality capability, the plant is designed with a direct pass ratio in excess of 85% compared with 60% for the Shah Alam plant and a World Best Practice ratio of 90%. On cost efficiency capability, the new plant is designed for an operation productivity ratio of 90% (Shah Alam Plant: 85%; World Best Practice: 95%).

Proton has announced plans to acquire a plant in Indonesia to produce cars for the ASEAN market. The plant will have an installed capacity of 30,000 units and will initially produce the Wira model for the local market and export to other ASEAN countries. In Vietnam, Proton is undertaking a study to determine the feasibility of assembling the Arena at the joint venture plant, Vinastar Motors, for the local market.

